

14 APR 2000

DR MAHATHIR BERLEPAS PULANG SELEPAS HADIRI SIDANG KEMUNCAK SELATAN

HAVANA, 14 April (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini berlepas pulang ke tanah air selepas menghadiri Sidang Kemuncak Selatan Kumpulan 77 (G77) di sini.

Dr Mahathir yang diiringi oleh Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohd Ali tiba di sini pada 11 April.

Sidang kemuncak selama tiga hari itu telah dihadiri oleh lebih 60 pemimpin dari 133 negara membangun.

Dalam ucapannya pada sidang kemuncak itu, Dr Mahathir bercakap mengenai globalisasi dan perlunya bagi negara-negara membangun untuk bersatu padu.

Perdana Menteri turut diberi penghormatan mengemukakan usul bagi memberikan kuasa kepada pengerusi G77 untuk melahirkan pandangan dan kebimbangan negara-negara membangun kepada kumpulan tujuh (G7) negara-negara maju.

Semasa di sini, Dr Mahathir turut mengadakan perbincangan dua hala dengan beberapa pemimpin dunia termasuk Presiden Indonesia Abdurrahman Wahid.

Malam semalam, Perdana Menteri menghadiri majlis perjumpaan dengan rakyat Malaysia di Cuba, di Havana Club di sini.

-- BERNAMA

ES RHM